

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(II)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN JAWI
YB. H'NG MOOI LYE**

4. Apakah tindakan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) terhadap Kilang Green Ray Technology Sdn. Bhd. seperti mana yang diputuskan dalam mesyuarat yang dipengerusi oleh EXCO Kerajaan Tempatan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir (Y.A.B. Tn. Chow Kon Yeow) pada 29/11/2017 di MPSP?
- (a) Sila nyatakan kronologi tindakan tersebut.
- (b) Apakah tindakan selanjutnya oleh MPSP sekiranya aduan masih banyak terima?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

4. Tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) terhadap Kilang Green Ray Technology Sdn. Bhd. adalah seperti berikut:-
- (i) Membatalkan lesen perniagaan.
- (ii) Mengambil tindakan penguatkuasaan meroboh tambahan tanpa kebenaran kilang tersebut pada 16 Oktober 2017, 26 April 2018 dan 16 Mei 2018.
- (bi) Mengambil tindakan mahkamah atas kesalahan menjalankan perniagaan tanpa lesen. Kilang Green Ray Technology Sdn. Bhd. telah memohon kepada Mahkamah Tinggi Pulau Pinang melalui Guaman Sivil No: PA-21NCVC-8-06/2018 untuk menghalang MPSP daripada merobohkan struktur. Mahkamah Tinggi Pulau Pinang pada 12 Jun 2018 telah mengeluarkan Perintah Injunksi kepada MPSP untuk tidak merobohkan apa-apa struktur

di atas tanah di mana Kilang Green Ray Technology Sdn. Bhd. menjalankan perniagaan sehingga permohonan didengar dan diputuskan. Pendengaran kes ditetapkan pada 16 Ogos 2018.

- (a) Kronologi tindakan adalah seperti di Lampiran A.
- (b) Tindakan selanjutnya oleh Kerajaan Negeri melalui MPSP sekiranya masih terdapat aduan diterima adalah seperti berikut :-
 - (i) Melakukan pemantauan secara berkala;
 - (ii) Mengambil tindakan kompaun dan Mahkamah sekiranya Green Ray Technology Sdn. Bhd. masih menjalankan operasi perniagaan tanpa lesen yang sah.